



# Pastikan Benar Bernama.com

MENU

## KIP REIT Management sasar aset di bawah pengurusan RM2 bilion

Tarikh kemaskini: 23/04/2018

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- KIP REIT Management Sdn Bhd menyasar untuk meningkatkan aset di bawah pengurusannya kepada RM2 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang berbanding RM680 juta menerusi pelbagai projek dan pengambilalihan yang dirancang.

Pengarah Urusannya, Datuk Chew Lak Seong berkata syarikat itu yakin mampu mencapai sasaran itu biarpun dalam persekitaran pasaran yang ternyata lebih berhati-hati.

"Kami sedang meneliti beberapa pengambilalihan. Setakat ini, kami berbincang dengan banyak pihak namun belum dapat direalisasikan sebelum berakhirnya tahun kewangan semasa syarikat pada Jun ini.

"Bagaimanapun, kami yakin ada di antara pengambilalihan mencatat kemajuan dan membabitkan kawasan komuniti di Semenanjung Malaysia," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mengulas selanjutnya, Chew berkata KIP Real Estate Investment Trust (KIP REIT) yang juga dana amanah pelaburan hartanah (REIT) hibrid runcit berteraskan komuniti yang pertama tersenarai di Bursa Malaysia, hari ini memeterai inisiatif hijau 25 tahun dengan pihak Pekat Solar Sdn Bhd membabitkan pemasangan sistem solar fotovoltan (PV) untuk asetnya.....

Untuk berita penuh sila langgan [BERNAMA.com Xtra](#) [Klik di sini]

### Berita Utama Terdahulu

- Jangan terpedaya dengan muslihat DAP tentang 'Tsunami Melayu' - Najib
- Jangan terpedaya dengan muslihat DAP tentang 'tsunami Melayu' - Najib
- Najib Peraku Hak Sabah, Sarawak Dilaksanakan - Ahmad Zahid
- Polis edar lakaran wajah suspek kes tembak Dr Fadi
- BN akan terus bangun Sabah dan Sarawak - Ahmad Zahid

Utama | Am | Politik | Ekonomi | Sukan | Rencana | Dunia | Arkib | Siaran Media Eksklusif | Suapan RSS | Laman Web Korporat | IMAGES

© 2018 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.

Paparan terbaik menggunakan Firefox 58.0.1 (64-bit) & Chrome Version 63.0.3239.132 (Official Build) (64-bit) dalam resolusi 1920 x 1080 piksel